

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada akan melaksanakan gesaan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) agar Jawatankuasa Tadbir Urus dan Integriti (JITU) bagi menangani gejala penyelewengan, pemborosan dan penyalahgunaan (3P) ditempatkan di setiap Kementerian dan Jabatan dalam sektor perkhidmatan awam.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan bersetuju dengan gesaan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) agar Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) ditubuhkan di setiap Kementerian dan Jabatan dalam sektor perkhidmatan awam bagi menangani gejala penyelewengan, pemborosan dan penyalahgunaan (3P) ditempatkan. Ini berdasarkan kepada Arahan YAB Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2014 yang menggantikan Arahan YAB Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2009.

Bagi memastikan JITU mampu memberi impak yang positif, penubuhannya merangkumi peringkat Kebangsaan sehingga peringkat Bahagian/Daerah. JITU peringkat Kebangsaan dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan dalam tadbir urus dan integriti manakala JITU peringkat Kementerian dipengerusikan oleh YB Menteri Kementerian masing-masing. JITU di peringkat negeri pula dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar/Ketua Menteri manakala JITU di peringkat Bahagian/Daerah dipengerusikan oleh Residen/Pegawai Daerah.

Arahan YAB Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2014 telah menetapkan Urus Setia JITU Peringkat Kementerian/Jabatan/Negeri/Residen/Bahagian/Daerah adalah Unit Integriti agensi berkenaan.

Bagi Kementerian/Jabatan/Negeri/Residen/Bahagian/Daerah yang tidak mempunyai Ketua Unit Integriti, maka pegawai yang dipertanggungjawabkan mengenai tadbir urus dan integriti akan menjalankan fungsi berkenaan. Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertanggungjawab untuk menyediakan dasar dan mekanisme pengurusan integriti serta memantau pelaksanaan fungsi Unit Integriti agensi awam.

Sekian. Terima kasih.